

TAHAP MOTIVASI DAN KEKUATAN MENTAL DALAM KALANGAN ATLET PETANQUE UPSI

NURUL NAZIERA BINTI MOHTAR

FAKULTI SAINS SUKAN DAN KEJURULATIHAN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2023

TAHAP MOTIVASI DAN KEKUATAN MENTAL
DALAM KALANGAN ATLET
PETANQUE UPSI

NURUL NAZIERA BINTI MOHTAR
D20192090773

TESIS INI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT
UNTUK MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA MUDA SAINS
SUKAN (SAINS KEJURULATIHAN) DENGAN KEPUJIAN

FAKULTI SAINS SUKAN DAN KEJURULATIHAN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
(2023)

PENGAKUAN

Saya dengan ini mengaku bahawa tesis ini adalah berdasarkan hasil kerja saya sendiri kecuali petikan yang telah diakui dengan sewajarnya.

.....
NURUL NAZIERA BINTI MOHTAR
(D20192090773)

.....
TARIKH

PENGESAHAN PENYELIA

Saya mengakui bahawa pelajar ini, Nurul Naziera binti Mohtar telah menyiapkan projek tahun akhir yang bertajuk Tahap Motivasi dan Kekuatan Mental dalam Kalangan Atlet Petanque UPSI yang dilakukan dan memperakui telah diterima sebagai memenuhi sebahagian syarat keperluan untuk Ijazah Sarjana Muda Sains Sukan (Sains Kejurulatihan) dengan Kepujian di Universiti Pendidikan Sultan Idris.

.....
(DR. NUR HAZIYANTI BINTI MOHAMAD KHALID)

Penyelia

Projek Tahun Akhir (QCR3996)

Fakulti Sains Sukan dan Kejurulatihan

Universiti Pendidikan Sultan Idris

.....
TARIKH

PENGESAHAN PENYELARAS

Tesis ini telah diterima dan dipersetujui untuk memenuhi standard yang diperlukan untuk penyerahan dalam memenuhi sebahagian syarat untuk penganugerahan Ijazah Sarjana Muda Sains Sukan (Sains Kejurulatihan) dengan Kepujian di Universiti Pendidikan Sultan Idris.

.....
(DR. ALI BIN MD NADZALAN)

Penyelaras

Projek Tahun Akhir (QCR3996)

Fakulti Sains Sukan dan Kejurulatihan

Universiti Pendidikan Sultan Idris

.....
TARIKH

PENGHARGAAN

Bismillahirrahmanirrahim. Alhamdulillah, syukur ke hadrat illahi dengan limpahan rahmat serta nikmat rasa kesyukuran dipanjatkan ke hadrat illahi dan tenaga yang dianugerahkan kepada saya kerana dengan izinNya kajian ini akhirnya dapat saya siapkan dengan jayanya bagi memenuhi syarat penganugerahan Ijazah Sarjana Muda Sains Sukan (Sains Kejurulatihan) dengan Kepujian, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). Ucapan penghargaan juga dikalungkan khusus kepada insan yang sentiasa memberi sokongan dan dorongan sepanjang pelaksanaan kajian dan penulisan projek tahun akhir ini. Tanpa individu-individu ini, segala usaha yang dilakukan akan sia-sia, manakala impian dan harapan tidak akan terlaksana dengan jayanya.

Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pensyarah penyelia yang profesional, komited dan konstruktif iaitu Dr Nur Haziyanti binti Mohamad Khalid yang sering kali membantu dan memberikan bimbingan kepada saya sepanjang proses menyiapkan penulisan ini. Ilmuan ini bukan sahaja berjaya bertindak sebagai dorongan dan sokongan malah sebagai pembimbing yang berkesan kepada saya. Semoga perkara ini menjadi satu semangat untuk saya terus maju ke peringkat seterusnya.

Ucapan terima kasih tidak terhingga khusus saya ucapkan kepada pensyarah penyelaras iaitu Dr. Ali bin Md Nadzalan yang sudi membantu dan memantau saya dalam menyiapkan projek tahun akhir ini. Saya juga mengucapkan ribuan terima kasih yang tidak terhingga kepada ahli kelab Petanque UPSI sidang 2021/2022 atas masa yang diberikan dalam menjadi responden dalam menjawab soal selidik kepada kajian yang saya jalankan.

Saya juga ingin merakamkan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada ahli keluarga saya yang sentiasa berdiri di belakang saya mendoakan, menyokong dan memberi semangat serta dorongan dalam menyiapkan kajian ini terutama ibunda, Zaramah binti Paujan dan ayahanda, Mohtar bin Yacob. Turut dalam memberi sokongan, rakan-rakan seperjuangan dan barisan pensyarah di Fakulti Sains Sukan dan Kejurulatihan yang sentiasa meluangkan masa dalam membimbing saya menjayakan kajian ini.

Akhir kalam, saya turut mengucapkan terima kasih kepada mereka yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam proses menyiapkan penulisan ilmiah ini. Saya dengan rendah diri memohon kemaafan seandainya terdapat kekurangan dalam kajian yang saya selesaikan ini. Segala jasa, masa dan bantuan dari kalian amatlah saya hargai dengan sepenuh hati. Sekian, terima kasih.

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti tahap motivasi dan kekuatan mental dalam kalangan atlet petanque UPSI. Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian tinjauan *Sport Motivation Scale* (SMS) 28 item dan *Sport Mental Toughness Questionnaire* (SMTQ) 14 item untuk mengenalpasti tahap motivasi dan kekuatan mental atlet. Sampel kajian adalah atlet petanque UPSI yang terdiri daripada atlet lelaki ($n=43$) dan perempuan ($n=43$). Data yang diperolehi dianalisis menggunakan perisian SPSS *version 26*. Dapatan menunjukkan bahawa setiap atlet petanque baik lelaki ataupun perempuan mempunyai motivasi dan kekuatan mental dalam diri mereka. Tahap motivasi dan kekuatan mental yang diperoleh mereka adalah sama. Ini menunjukkan bahawa atlet dari kelab petanque UPSI adalah aktif dan mempunyai tahap motivasi dan kekuatan mental di dalam diri mereka.

ABSTRACT

This study aims to identify the level of motivation and mental toughness among petanque athletes in UPSI. This study uses the survey design of Sport Motivation Scale (SMS) 28 items and Sport Mental Toughness Questionnaire (SMTQ) 14 items to identify the level of motivation and mental toughness of athletes. The study sample is UPSI petanque athletes consisting of male (n=43) and female (n=43) athletes. The data obtained be analyzed using SPSS software version 26. It can be shown that every petanque player, whether male or female, has motivation and mental strength within them. Their level of motivation and mental strength is the same. This shows that the players from the UPSI petanque club are active and have a level of motivation and mental strength in them.

KANDUNGAN

	Muka Surat
HALAMAN TAJUK	i
PENGAKUAN	ii
PENGESAHAN PENYELIA	iii
PENGESAHAN PENYELARAS	iv
PENGHARGAAN	v
ABSTRAK	vi
ABSTRACT	vii
KANDUNGAN	viii
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	xii
SENARAI SINGKATAN	xiii
1.0 PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Penyataan Masalah	5
1.3 Kepentingan Kajian	6
1.4 Objektif Kajian	8
1.5 Persoalan Kajian	8
1.6 Batasan Kajian	
1.6.1 Delimitasi Kajian	9
1.6.2 Limitasi Kajian	9
1.7 Definisi Operasional	
1.7.1 Motivasi	10
1.7.2 Kekuatan Mental	10
1.7.3 Atlet Petanque UPSI	11
2.0 SOROTAN LITERATUR	
2.1 Pengenalan	12
2.2 Teori Tahap Motivasi Dan Kekuatan Mental Dalam Sukan	
2.2.1 Motivasi Dalam Sukan	13
2.2.2 Kekuatan Mental Dalam Sukan	15

2.3 Kajian Lampau	
2.3.1 Motivasi Dalam Sukan	16
2.3.2 Kekuatan Mental Dalam Sukan	20
2.3.3 Motivasi Dan Kekuatan Mental Dalam Sukan	29
2.4 Rumusan	30
3.0 METADOLOGI KAJIAN	
3.1 Pengenalan	31
3.2 Reka Bentuk Kajian	32
3.3 Kerangka Koseptual	33
3.4 Pembolehubah Kajian	35
3.5 Instrumen Kajian	35
3.6 Sampel Kajian	40
3.7 Prosedur Kajian	41
3.8 Tatacara Pengumpulan Data	41
3.9 Penganalisaan Data	42
3.10 Kesimpulan	42
4.0 DAPATAN KAJIAN	
4.1 Pengenalan	43
4.2 Latar Belakang Demografi	
4.2.1 Jantina Responden	44
4.2.2 Umur	45
4.2.3 Skala Likert	
4.3 Dapatan Kajian	46
4.3.1 Tahap Motivasi Dalam Kalangan Atlet Petanque UPSI	47
4.3.2 Tahap Kekuatan Mental Dalam Kalangan Atlet Petanque UPSI	47
4.3.3 Perbezaan Tahap Motivasi Dalam Kalangan Atlet Petanque UPSI	49
4.3.4 Perbezaan Tahap Kekuatan Mental Dalam Kalangan Atlet Petanque UPSI	51
4.3.5 Hubungkait Antara Tahap Motivasi Dan Kekuatan Mental Dalam Kalangan Atlet Petanque UPSI	53

4.4 Rumusan

5.0 RUMUSAN

5.1 Pengenalan	55
5.2 Perbincangan Dapatan Kajian	
5.2.1 Tahap Motivasi Dalam Kalangan Atlet Petanque UPSI	56
5.2.2 Tahap Kekuatan Mental Dalam Kalangan Atlet Petanque UPSI	58
5.2.3 Perbandingan Tahap Motivasi Antara Atlet Petanque UPSI Lelaki Dan Perempuan	61
5.2.4 Perbandingan Tahap Kekuatan Mental Antara Atlet Petanque UPSI Lelaki Dan Perempuan	62
5.2.5 Hubungkait Antara Tahap Motivasi Dan Kekuatan Mental Dalam Kalangan Atlet Petanque UPSI Lelaki Dan Perempuan	63
5.3 Kesimpulan Kajian	65
5.4 Implikasi Dan Cadangan Kajian	67
5.5 Cadangan Kajian Lanjutan	69
RUJUKAN	70
LAMPIRAN	73

SENARAI JADUAL

Jadual	Muka Surat
3.1 Perancangan Skala Dan Item <i>Sport Motivation Scale</i> (SMS, Pelleteir et al., 1995)	37
3.2 Pernyataan Subskala <i>Sport Mental Toughness Questionnaire</i> (SMTQ, Shread et al., 2009)	38
3.3 Skala Likert 7 Bagi Soal Selidik <i>Sport Motivation Scale</i> (SMS)	39
3.4 Skala Likert 4 Bagi Soal Selidik <i>Sport Mental Toughness Questionnaire</i> (SMTQ)	40
4.1 Taburan Frekuensi Dan Peratusan Responden Mengikut Jantina	44
4.2 Taburan Atlet Berdasarkan Peringkat Umur	45
4.3 Tahap Motivasi Atlet Petanque UPSI	46
4.4 Tahap Kekuatan Mental Atlet Petanque UPSI	47
4.5 Perbezaan Tahap Motivasi Atlet Petanque UPSI Lelaki Dan Perempuan	48
4.6 Perbezaan Tahap Kekuatan Mental Atlet Petanque UPSI Lelaki Dan Perempuan	50
4.7 Hubungkait Antara Tahap Motivasi Dan Kekuatan Mental Atlet Petanque UPSI	51

SENARAI RAJAH

Rajah

3.1 Kerangka Koseptual Kajian

Muka Surat

34

SENARAI SINGKATAN

Singkatan		MUKA SURAT
UPSI	Universiti Pendidikan Sultan Idris	7
IM	<i>Intrinsic Motivation</i>	37
EM	<i>Ekstrinsic Motivation</i>	37
M	Motivasi	37
SMS	<i>Sport Motivation Scale</i>	39
SMTQ	<i>Sport Mental Toughness Questionnaire</i>	40

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1. Pengenalan

Sukan terdiri daripada pelbagai aktiviti fizikal yang dilakukan untuk pelbagai tujuan yang dapat memberikan keseronokan, kemahiran, kecemerlangan, pembangunan dan sebagainya. Hal ini juga termasuklah aktiviti fizikal yang melibatkan pergerakan seperti menggunakan peralatan sukan untuk melakukan aktiviti yang tertentu. Selain itu, banyak juga yang berpendapat bahawa sukan adalah salah satu sistem sosial untuk orang awam. Dengan bersukan juga dapat meningkatkan kualiti hidup seseorang individu (Corbin & Lindsey, 1997). Ini dapat ditakrifkan bahawa dengan bersukan kita dapat meningkatkan gaya hidup yang sihat dan cergas dengan memenuhi keperluan fisiologi serta sosialisasi ketika sedang bersukan atau berada ditempat awam. Sebagai contoh, didalam konteks budaya, sukan akan dianggap sebagai agen sosialisasi diantara masyarakat. Hal ini kerana, semasa bersukan, kita akan saling melakukan interaksi dengan orang sekeliling kita seperti bertegur sapa agar suasana kelihatan ceria dan seronok.

Petanque adalah sejenis sukan yang menggunakan bola yang diperbuat daripada logam atau lebih mudah dikenali sebagai “*boule*” dan dimainkan mengikut peraturan-peraturan yang tertentu. Perkataan petanque adalah kacukan daripada perkataan Perancis “*Pieds Tanques*” yang membawa maksud kepada kedua-dua kaki yang terikat menggambarkan keadaan dimana seseorang yang bermain petanque tidak boleh mengangkat kaki semasa melakukan balingan. Menurut (Quah & Md Haron, 2015) menyatakan bahawa sukan petanque ini adalah berasal daripada Perancis dan merupakan salah satu cabang kumpulan permainan seperti bowling atau bowling padang. Kini sukan petanque merupakan salah satu permainan yang dipertandingkan di sukan SEA sejak tahun 2001. Selain itu, sukan ini juga mendapat iktiraf oleh Kementerian Belia dan Sukan sebagai satu acara sukan baru dalam kategori Sukan untuk Semua (Zainal, 2012)

Cara petanque ini dimainkan adalah dengan bola akan dibaling dengan mengikut caranya bagi menghampiri sasaran yang berupa sebiji guli bagi membolehkan pemain mendapatkan mata. Mata penamat bagi sukan petanque ini adalah 13 mata. Permainan petanque ini dimainkan tiga pemain lawan tiga pemain dan satu pemain lawan satu pemain. Sukan petanque ini dapat melatih kesabaran serta ketabahan seseorang pemain itu kerana pemain itu hendaklah menumpukan perhatian semasa membuat lontaran. Selain itu, sukan ini juga dapat melatih motivasi dan kekuatan mental kerana sukan ini berlangsung dalam keadaan cuaca yang panas atau hujan (kecuali ribut petir). Disamping itu, sukan ini dapat membentuk sikap yang positif dan disiplin disamping dapat melatih kemahiran berfikir secara langsung atau tidak langsung untuk memikirkan strategi yang berkesan untuk memperolehi mata permainan.

Kesungguhan individu ketika menghasilkan tingkah laku tertentu bagi mendapatkan hasil tingkah laku dikenal pasti sebagai motivasi. Motivasi dapat ditakrifkan sebagai satu daya yang dapat

memberikan tenaga dan melakukan sesuatu tingkah laku (Roberts & Treasure, 2001). Selain itu, motivasi juga adalah konstruk (pembolehubah terpendam) dan bukanlah suatu entiti yang dapat diperhatikan secara sepintas lalu malah dapat menyumbang kepada kesukaran ketika mengukurnya dengan tepat (Kremer, Lavallee, Moran & Williams, 2004). Hal ini kerana, penilaian awal motivasi adalah berdasarkan tingkah laku yang diberikan oleh atlet. Sebagai contoh, Lepper dan Greene (1975) menyimpulkan bahawa motivasi intrinsik atlet adalah dengan memerhatikan kelakuan mereka ketika melakukan eksperiment. Contohnya, seorang atlet melakukan latihan yang berulang yang diberikan oleh jurulatih dengan penuh motivasi walaupun tiada ukuran motivasi yang sebenarnya berlaku. Jelas sekali, pengukuran metodologi yang ketat diperlukan dalam menilai, memahami dan meramalkan tingkah laku manusia yang dapat mempengaruhi psikologi manusia ketika melakukan sesuatu aktiviti fizikal. Mengambil senario sukan bola sepak Malaysia yang terdiri dari perbezaan umur, motivasi amat diperlukan dengan memberi insentif dan juga kejayaan dalam perlawanan seperti yang dilaporkan di media massa.

Selain itu, bagi seseorang jurulatih pula motivasi adalah usaha untuk memotivasikan atletnya supaya dapat melakukan sesuatu tugas dengan lebih baik dan sempurna. Manakala bagi seseorang atlet, motivasi adalah berusaha untuk melakukan persembahan terbaik semasa pertandingan. Seseorang atlet yang bermotivasi tinggi mampu meningkatkan prestasi ketika melakukan latihan tanpa diarahkan oleh orang lain kerana motivasinya adalah untuk merealisasikan matlamat adalah tinggi. Motivasi adalah dorongan dalaman yang menjurus seseorang individu tersebut untuk memenuhi matlamat diri dan organisasi (Muhammad Firdaus, Siti Aida, Sharifah Maimunah, Muhammad Wafi, Nur Dalilah, Wahidah & Ummi Kalthum, 2020). Motivasi terbahagi kepada dua iaitu motivasi intrinsik (dalaman) dan motivasi ekstrinsik (luaran). Motivasi intrinsik adalah motivasi ketika melakukan sesuatu aktiviti untuk wujudnya kepuasan didalam diri. Motivasi intrinsik terjadi ketika seseorang tergerak bergerak untuk keseronokan atau cabaran yang diperlukan

kerana dorongan, tekanan atau ganjaran luar (Ryan & Deci, 2000). Hal ini kerana, motivasi ini timbul daripada keinginan diri sendiri untuk mencapai matlamat-matlamat seperti kejayaan, kesedaran tentang potensi dirinya, keseronokan dan kepuasan ketika melakukan aktiviti fizikal. Lazimnya, atlet yang bermotivasi intrinsik akan terus terlibat dalam sesuatu aktiviti kerana ia lahir dalam diri seseorang atlet disebabkan oleh faktor –faktor dalaman dan juga minta yang tidak dipaksa oleh orang lain.

Motivasi ekstrinsik pula ditakrifkan sebagai kecenderungan dalam melakukan aktiviti atau tugas untuk mendapatkan ganjaran sama ada dalam bentuk fizikal atau psikologi berdasarkan persekitaran sekeliling (Brown, 2007). Motivasi ekstrinsik adalah satu dorongan kerja yang berasal dari faktor luar dari diri individu dalam melaksanakan tugas secara maksima. Dalam erti kata lain, motivasi adalah sikap dan tingkah laku yang dipamerkan oleh atlet yang dipengaruhi oleh faktor luar. Motivasi ekstrinsik lebih kepada ganjaran yang diterima oleh atlet. Ganjaran-gajaran yang diterima adalah seperti wang ringgit, kemashuran, pujian serta gred yang baik. Disamping itu, motivasi ekstrinsik dan motivasi intrinsik mempunyai konsep motivasi berbeza yang dihasilkan oleh para atlet.

Kekuatan mental juga adalah faktor yang penting dalam menentukan kejayaan serta kemenangan dalam sesebuah pasukan dalam pertandingan. Kekuatan mental dapat mempengaruhi tahap prestasi atlet, termasuklah motivasi yang ditentukan sendiri oleh atlet, faktor persekitaran dan kuasa seperti kegigihan dan pemikiran yang optimis. Selain itu, kekuatan mental telah memberi pengaruh yang positif terhadap kejayaan atlet dan juga telah menggalakkan fungsi kesihatan mental yang adaptif, kesejahteraan dan tahap tekanan insiden yang lebih rendah, kemurungan dan peningkatan dalam kualiti tidur (Cowden, Crust, Jackman & Duckett, 2019). Gouldsmith (2006)

menyatakan bahawa 90% kemenangan bagi sesebuah pasukan adalah dipengaruhi oleh aspek kekuatan mental pemain bola sepak itu walaupun terdapat perbezaan umur diantara mereka. Selain itu, kekuatan mental juga perlu mempunyai ciri-ciri tertentu yang dapat membolehkan atlet sentiasa melaksanakan tugasnya dengan sebaik yang mungkin tanpa mengira sebarang keadaan yang dihadapi untuk meningkatkan prestasi serta dapat mencapai kejayaan dalam sukan yang diceburinya. Menurut Weinberg, Butt dan Culp (2011) bahawa persekitaran turut memberikan persaingan yang positif serta mempunyai satu elemen yang penting untuk meningkatkan kekuatan mental para atlet. Seterusnya, Tomar, Tiwari, dan Hamdan (2012) menyatakan bahawa tahap kekuatan mental mempunyai perbezaan yang ketara diantara atlet bola sepak yang berbeza tahap umur.

1.2. Penyataan Masalah

Sukan petanque merupakan sejenis sukan yang dimana objektif utamanya adalah untuk membaling atau melempar bola besi (*Boule*) sedekat yang mungkin dengan satu bola kecil (*Jack*) yang diperbuat daripada kayu. Sukan ini bersifat berdaya saing. Jika atle-atlet yang memainkan sukan petanque ini tidak membuat persiapan yang cukup sebelum perlawanan berlangsung, atlet akan mengalami masalah psikologi seperti kebimbangan, tingkah laku yang negatif, gangguan emosi, kemurungan dan sebagainya. Hal ini terbukti, sukan petanque juga dikaitkan dengan tahap motivasi yang dipamerkan oleh atlet-atletnya. Atlet sukan petanque memerlukan tahap motivasi yang tinggi untuk mengekalkan tumpuan yang positif ketika perlawanan sedang berlangsung agar mereka dapat memberikan mata kepada ahli pasukan. Disamping itu, jika tumpuan mereka terganggu, ini dapat menjejaskan prestasi mereka semasa perlawanan. Tahap motivasi yang ditunjukkan oleh atlet kemungkinan mempunyai hubungkait dalam mengekalkan emosi yang positif atau sebaliknya.

Seterusnya, mengekalkan tahap kekuatan mental ketika perlawanan juga amat penting bagi atlet petanque. Hal ini kerana, atlet yang bertanding dalam sukan kompetitif memerlukan mental yang kuat untuk menempuhi waktu-waktu ketika perlawanan berlangsung. Atlet hendaklah mempunyai tahap kekuatan mental yang kuat untuk berlawan dengan pihak lawan supaya tidak mudah mempunyai perasaan yang kurang yakin pada diri sendiri. Untuk meningkatkan tahap kekuatan mental didalam diri, banyak faktor yang perlu dikuasai antaranya kemahiran komunikasi dan pengendalian masalah ketika perlawanan, keupayaan merancang secara realistik serta mempunyai keyakinan dan pandangan yang positif terhadap keupayaan diri sendiri.

Pengkaji mendapati bahawa terdapat beberapa kajian lepas yang telah diterbitkan mengkaji tahap motivasi dan kekuatan mental atlet yang berlaku didalam sukan seperti Pencapaian Motivasi Dengan Kekuatan Mental Atlet kajian daripada Ima Fitri Sholicha dan Awidha Dwi, 2020. Namun begitu, masih belom terdapat lagi kajian yang mengkaji tahap motivasi dan kekuatan mental dalam kalangan atlet petanque berdasarkan carian dalam beberapa pengkalan data.

Oleh itu, kajian ini dilakukan adalah untuk menganalisis tahap motivasi dan kekuatan mental keatas atlet petanque sama ada turut berlaku keatas mereka ataupun sebaliknya. Selain itu, memandangkan setiap motivasi dan kekuatan mental yang dimiliki oleh setiap atlet adalah berbeza terutamanya mengikut perbezaan jantina ketika sebelum dan selepas melakukan aktiviti fizikal.

1.3. Kepentingan Kajian

Kemerosotan didalam sesebuah pasukan atau pemain boleh berpunca dari kurangnya seorang jurulatih dalam memberikan motivasi serta kekuatan mental kepada pemainnya sebelum

pertandingan berlangsung. Hal ini kerana, motivasi adalah sangat penting dalam menentukan kejayaan didalam sebuah pasukan. Menurut Sandor, Johanna, Zsuzsanna dan Beata (2011) menyatakan bahawa motivasi adalah penting bagi sesebuah pasukan untuk berjaya ketika pertandingan. Dapatan kajian ini diharap dapat dijadikan sebagai panduan khususnya kepada jurulatih petanque dan pengurusan petanque nanti. Disamping itu, jurulatih juga dapat menjadikannya sebagai satu panduan dalam memastikan motivasi dan kekuatan mental para atlet berada dalam keadaan yang baik mengikut situasi yang tertentu.

Dapatan dari penyelidikan yang akan dijalankan juga akan membolehkan penyelidik untuk membuat beberapa kesimpulan dan keputusan dalam usaha penubuhan dan pembinaan sesebuah pasukan yang baik berdasarkan motivasi dan kekuatan mental yang diperoleh dari atlet petanque mengikut perbezaan jantina yang mewakili dan tidak mewakili UPSI. Oleh yang demikian, seorang jurulatih juga hendaklah memainkan peranan yang sangat penting untuk memastikan mental para atlet mereka berada pada tahap yang baik dan memuaskan.

1.4. Objektif Kajian

Secara umumnya, objektif kajian yang ingin dikaji oleh pengkaji ialah mengenal pasti tahap motivasi dan kekuatan mental dalam kalangan atlet Petanque UPSI.

- 1.4.1. Mengetahui tahap motivasi dalam kalangan atlet petanque UPSI.
- 1.4.2. Mengetahui tahap kekuatan mental dalam kalangan UPSI.
- 1.4.3. Membandingkan tahap motivasi antara atlet petanque UPSI lelaki dan perempuan.
- 1.4.4. Membandingkan tahap kekuatan mental antara atlet petanque UPSI lelaki dan perempuan.
- 1.4.5. Menghubungkan antara tahap motivasi dan tahap kekuatan mental dalam kalangan atlet petanque UPSI lelaki dan perempuan.

1.5. Persoalan Kajian

Persoalan kajian adalah perkara yang ingin dicapai pengkaji untuk mencapai objektif kajian yang diinginkan. Persoalan kajian yang terdapat didalam kajian ini adalah seperti berikut:

- 1.5.1. Adakah tahap motivasi dalam kalangan atlet petanque UPSI?
- 1.5.2. Adakah tahap kekuatan mental dalam kalangan UPSI?
- 1.5.3. Adakah terdapat perbezaan tahap motivasi antara atlet petanque UPSI lelaki dan perempuan?
- 1.5.4. Adakah terdapat perbezaan tahap kekuatan mental antara atlet petanque UPSI lelaki dan perempuan?
- 1.5.5. Adakah terdapat hubungkait antara tahap motivasi dan tahap kekuatan mental dalam kalangan atlet petanque UPSI lelaki dan perempuan?

1.6. Batasan Kajian

Di dalam usaha melakukan kajian ini terdapat juga batasan-batasan yang tertentu dan tertakluk kepada delimitasi dan limitasi seperti yang dinyatakan dibawah:

1.6.1. Delimitasi Kajian

Kajian terbatas kepada 86 orang atlet petanque. Kesemua atlet yang terlibat adalah atlet petanque UPSI lelaki dan perempuan. Oleh kerana kajian ini adalah terhad kepada jantina mengikut perbezaan jantina yang mewakili dan tidak mewakili UPSI sahaja maka sudah tentu hasilnya tidak boleh digeneralisasikan terhadap semua atlet petanque yang terdapat di Malaysia.

1.6.2. Limitasi kajian

Limitasi kajian yang telah dikenal pasti pengkaji adalah soal selidik yang digunakan mungkin tidak merangkumi kesemua aspek motivasi dan kekuatan mental ke arah pencapaian prestasi atlet petanque. Ini kemungkinan mempunyai kelemahan ketika mengedarkan soal selidik tersebut diatas talian. Selain itu, masa yang singkat untuk mendapatkan tahap motivasi dan kekuatan mental atlet petanque yang dimana membataskan usaha penyelidik menjalankan kajian dengan lebih mendalam. Tambahan pula, kejujuran dan keikhlasan daripada responden sukar untuk dikawal oleh penyelidik.

1.7. Definisi operasional

1.7.1. Motivasi

Motivasi adalah merujuk sebagai satu proses yang menghasilkan suatu usaha, arah dan ketekunan individu dalam mencapai satu tujuan (Robbin, 2003). Cara mengukur motivasi ini adalah dengan menggunakan soal selidik *Sport Motivation Scale* (SMS) oleh (Pelletier, Tusan, Fortier, Vallerand, Briere & Blais, 1995). Soal selidik ini mengandungi 28 item yang terdiri daripada tujuh sub skala jenis motivasi iaitu motivasi intrinsik yang merangkumi mengetahui, untuk menyempurnakan dan untuk ransangan manakala motivasi ekstrinik merangkumi mengenal pasti, introjeksi dan pengaruh luaran yang perlu dijawab oleh para peserta penyelidikan. Setiap sub skala jenis motivasi mengandungi empat item berdasarkan tujuh skala likert bermula sangat tidak berkaitan, tidak berkaitan, sederhana berkaitan, berkaitan dan sangat berkaitan.

1.7.2. Kekuatan mental

Kekuatan mental adalah kekuatan atlet untuk bertahan dalam menghadapi cabaran, kesilapan dan kegagalan. Untuk mendapatkan ketahanan dalam kekuatan mental atlet, soal selidik dilakukan dengan menggunakan *Sport Mental Toughness Questionnaire* (SMTQ) oleh (Shread, Golby & Van Wersch, 2009). Soal selidik ini mengandungi 14 item yang perlu dijawab berdasarkan empat skala likert bermula sangat tidak betul, tidak betul, betul dan sangat betul.



1.7.3. Atlet petanque UPSI

Atlet petanque UPSI merujuk kepada kumpulan atlet yang terdiri daripada kelab petanque UPSI yang akan terlibat didalam penyelidikan ini. Atlet petanque UPSI ini terdiri daripada 43 atlet lelaki dan 43 atlet perempuan yang diambil daripada kelab petanque UPSI.

